

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN TENAGA**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>KEMENTERIAN TENAGA</b>				
1	Ministry of Energy Human Resource Competency Framework	Dasar	Objektif utama program ini ialah untuk memelihara sektor tenaga yang merupakan elemen kritikal terhadap pembangunan ekonomi negara. Ini adalah melalui komitmen Kementerian Tenaga membangun kapasiti tenaga manusianya secara progresif. Tenaga manusia yang kompeten adalah aspek kiritikal di dalam usaha kementerian mengurus tadbir, memantau pembangunan sektor tenaga di negara ini.	ME HRCF adalah satu program yang menyediakan panduan pembangunan kapasiti bagi seluruh warga kementerian Tenaga. Ianya diperkenalkan oleh Bahagian Sumber Manusia dan Korporat Kementerian Tenaga yang mana perlaksanaanya telah bermula pada November 2019. Semasa ME Strategic Retreat pada 28 Januari 2020, pengurusan atasan Kementerian Tenaga telah memberi penekanan Inajut terhadap pentingnya membangun kapasiti pegawai kakitangan kementerian khususnya di dalam mengelinga industri tenaga (minyak, gas dan jana kuasa). ME HRCF mengandungi <i>framework</i> kompetensi, <i>Assessment Tools</i> , Nota Panduan dan juga perancangan latihan kepada pegawai-pegawai penilai yang telah dipersetujui oleh semua pihak berkepentingan Kementerian seperti ME, JPE, SHENA dan Petroleum Autoriti Brunei Darussalam.
2	Penaiktarafan sekretariat perbekalan Kementerian Tenaga	Struktur Organisasi	Objektif inisiatif ini dihasratkan untuk meningkatkan keberkesanan dan kualiti urus tadbir JKSH dan LTK ME sekaligus melancarkan segala urusan perbekalan (JKSH dan LTK) bagi ME.	Inisiatif penaiktarafan sekretariat perbekalan Kementerian Tenaga adalah satu inisiatif menubuhkan pejabat urus setia tetap bagi urus setia Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) dan Lembaga Tawaran Kecil (LTK) Kementerian. Sebelumnya, urus setia JKSH dan LTK adalah atas lantikan yang mana pegawai penyelaras JKSH dan LTK adalah berubah-ubah setiap tahun. Ini menyebabkan banyak ketidak selarasan ketidak berkesanan dari segi urus tadbir seperti ketidak aturan penyimpanan fail.
<b>JABATAN ELEKTRIK</b>				
3	Program i-Usahawan	Pelakuan Organisasi	Memberikan pendedahan awal kepada generasi muda untuk menjadi usahawan yang komited dan berjaya. Melalui program ini mereka akan berpeluang dan mengambil pengalaman melalui proses tender kopetitif dan dipilih sebagai salah satu kontrak pertama dalam tawaran kerajaan dibawah inisiatif i-Usahawan. Usahawan muda boleh memperoleh pengalaman langsung dan memenuhi potensi mereka dengan memperoleh peluang perniagaan yang lebih besar di masa depan.	Program Pembangunan Keusahawanan Belia adalah untuk menyokong usahawan muda Brunei untuk memulakan, memiliki dan mengembangkan perniagaan mereka sendiri dan mendapatkan kontrak pertama dengan kerajaan. Program i-usahawan ini dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan merupakan salah satu komitmen berterusan Kementerian Tenaga bagi memastikan program ini beraya serta mampu memberikan faedah sosial dan faedah ekonomi.
4	Pemindahan Akaun Meter Pascabayar (post-paid) ke Akaun Auxiliary Pre-Paid Meter	Struktur Organisasi	Pengurangan dan pengawalan tunggakan bil elektrik dengan cara pemotongan <i>auxiliary</i> daripada setiap pembelian token dan seterusnya meningkatkan lagi kutipan hasil daripada penjualan tenaga elektrik.	Tunggakan bil elektrik yang tidak terkawal adalah salah satu isu yang dihadapi oleh pihak Jabatan. Bagi menangani perkara ini, Jabatan telah giat melaksanakan pemindahan baki tunggakan akaun Meter Pascabayar ( <i>Post-paid</i> ) kepada akaun <i>Auxiliary Meter</i> Prabayar ( <i>Pre-paid</i> ). Pemindahan akaun ini adalah bertujuan bagi menyelesaikan tunggakan bil-bil elektrik <i>post-paid</i> yang belum dijelaskan sepenuhnya iaitu dengan cara pemotongan sebanyak 30% ( <i>auxiliary</i> ) daripada setiap pembelian token.